

# DHACOPAN TABLET/SYRUP

Hyoscine butylbromide (10mg, 5mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dhacopan
2. Bagaimana Dhacopan berfungsi
3. Sebelum mengambil Dhacopan
4. Cara menggunakan Dhacopan
5. Semasa menggunakan Dhacopan
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dhacopan
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Dhacopan

Dhacopan digunakan untuk melegakan kekejangan pada otot-otot licin anda di bahagian:

- perut
- Gut (usus)
- pundi kencing dan pundi hempedu
- abdomen semasa haid.

## Bagaimana Dhacopan berfungsi

Dhacopan mengandungi ubat yang dipanggil hyoscine butylbromide. Ini tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil *antispasmodics*.

## Sebelum mengambil Dhacopan

Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Dhacopan jika:

- anda alah (hipersensitif) kepada hyoscine butylbromide atau mana-mana bahan-bahan lain.
- Anda mempunyai glaukoma (peningkatan tekanan di dalam mata)
- Anda mempunyai ulser perut atau usus kecil
- Anda mengalami pembesaran dalam kelenjar prostat anda
- Anda mempunyai *paralytic ileus* (usus anda lumpuh)
- Anda mengalami pengekalan kencing
- Anda mengalami *pyloric stenosis* (penyempitan pembukaan dari perut ke usus kecil)

- anda hamil, ingin hamil atau sedang menyusukan bayi, kecuali potensi manfaat melebihi risiko yang mungkin berlaku pada janin.
- anda sedang minum alkohol.

### -Sebelum mengambil Dhacopan

Anda perlu beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Dhacopan jika:

- Anda mempunyai kadar jantung yang sangat cepat atau masalah jantung yang lain
- Dhacopan mungkin menyebabkan anda berasa mengantuk, jika terjejas jangan memandu atau mengendalikan jentera.

Jika anda tidak pasti jika mana-mana yang tersebut di atas berkenaan dengan anda, bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Dhacopan.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau baru-baru ini telah mengambil ubat-ubatan lain, termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi, termasuk:

- metoclopramide, sejenis ubat yang digunakan untuk melegakan perasaan loya atau muntah.

## Cara menggunakan Dhacopan

### -Berapa banyak harus diambil

#### Tablet:

Dewasa dan Kanak-kanak lebih daripada 12 tahun: 1 hingga 2 tablet, 3 atau 4 kali sehari.

#### Sirap:

Kanak-kanak 6 hingga 12 tahun: 2 sudu teh (10ml) 3 kali sehari.

### -Bila perlu diambil

Ambil Dhacopan pada masa yang sama setiap hari. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu diambil

Sentiasa mengambil Dhacopan tepat seperti yang doktor anda telah beritahu anda. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

### -Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa untuk mengambil satu dos, ambilkannya secepat mungkin apabila anda ingat dan kemudian ambil dos seterusnya pada masa yang tepat.

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda (atau orang lain) telah mengambil banyak tablet/sirap pada masa yang sama, atau anda mensyaki kanak-kanak mungkin menelannya, hubungi jabatan kecemasan hospital yang terdekat atau beritahu doktor anda dengan segera.

Tanda-tanda gejala berlebihan termasuk pengekalan kencing, mulut kering dan kadar jantung yang sangat cepat.

## Semasa menggunakan Dhacopan

### -Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Dhacopan selama yang doktor anda mencadangkan. Jika simptom masih berterusan atau tidak reda selepas beberapa hari, sila berjumpa dengan doktor.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berikan Dhacopan kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

Jangan mengambil Dhacopan untuk merawat sebarang simptom yang lain melainkan jika ahli farmasi atau doktor anda memberitahu anda.

Jangan mengambil lebih daripada dos yang disyorkan kecuali diberitahu oleh ahli farmasi atau doktor anda.

# DHACOPAN TABLET/SYRUP

Hyoscine butylbromide (10mg, 5mg/5ml)

## -Perkara yang perlu diberi perhatian

Dhacopan Tablet mengandungi laktosa. Jika anda telah diberitahu bahawa anda tidak bertoleransi kepada beberapa gula, beritahu doktor anda sebelum mengambil ubat ini.

## **Kesan-sesan Sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, Dhacopan boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi untuk maklumat lanjut jika anda mengalami mana-mana yang berikut yang membimbangkan anda:

- Mulut kering dengan kesukaran menelan dan rasa dahaga,
- tekanan dalam *intraocular* (cecair di dalam mata) meningkat
- flushing* (kulit menjadi merah dan rasa panas)
- kulit kering
- kesukaran membuang air kecil
- sembelit
- rasa degupan jantung yang tidak normal atau tidak teratur.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers →Reporting*)

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Dhacopan**

### -Penyimpanan

Simpan ubat jauh daripada kanak-kanak.

Tablet:

Simpan di bawah suhu 30°C. Lindungi dari cahaya.

Sirap:

Simpan di bawah suhu 25°C. Lindungi dari cahaya.

### -Pelupusan

Jangan makan ubat itu apabila telah lepas tarikh luputnya.

Sila pulangkan tablet/sirap yang belum digunakan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan. Hanya simpan tablet/sirap jika doktor anda menasihatkannya. Jangan buang ubat tersebut di dalam air buangan atau bersama-sama dengan sampah-sarap rumah. Tindakan ini boleh membantu melindungi alam persekitaran.

## **Maklumat lanjut**

### -Rupa dan warna produk

Dhacopan Tablet:

Tablet bersalut filem berwarna oren, berbentuk bulat dengan cembung mendalam, diameter 8mm tanpa garis skor dan logo.

Dhacopan Syrup:

Sirap berwarna kuning jelas, rasa manis dengan perisa pisang.

### -Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Setiap tablet mengandungi 10mg Hyoscine butylbromide.

Setiap 5ml mengandungi 5mg Hyoscine butylbromide.

### Bahan-bahan tidak aktif

Dhacopan Tablet:

Lactose Mesh 200, sunset yellow no.6 aluminium lake 38%-42%, propylene glycol, titanium dioxide fine, povidone 30, chloroform spirit, hydroxylpropylmethylcellulose, corn starch, magnesium stearate

Dhacopan Syrup:

Methyl hydroxybenzoate, Propyl hydroxybenzoate, chloroform spirit, citric acid monohydrate, sodium saccharin, banana flavor PCA 5639, granulated fine white sugar, FDC Yellow no.6 water soluble 40%-44%, quinoline yellow E104 water soluble 70%, sodium citrate dihydrate, propylene glycol, purified water

### -Nombor MAL

Dhacopan Tablet:

MAL19890370AZ

Dhacopan Syrup:

MAL19890528AZ

## **Pengilang**

Drug Houses of Australia Pte. Ltd.  
#09-01/02 Haw Par Tiger Balm Building,  
No. 2, Chia Ping Road,  
Singapore 619968

## **Pemegang Produk**

Actavis Sdn Bhd (760427-P)  
C/o Allergan Malaysia Sdn Bhd  
Level 5-02, Block A, PJ 8, No.  
23, Jalan Barat Seksyen 8,  
46050 Petaling Jaya, Selangor,  
Malaysia

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

21-01-2016

## **Nombor siri:**

BPFK(R4/1)210116/00016